

# Kendali kes Adib sebaik mungkin

Oleh Mohd Husni  
Mohd Noor  
mhusni@hmetro.com.my

**Jabatan Peguam Negara beri jaminan teliti  
kertas siasatan secara serius, profesional**

## Patrajaya

Jabatan Peguam Negara akan meneliti kertas siasatan kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim dengan berhati-hati dan secara profesional.

Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas berkata, pihaknya perlu meneliti kertas siasatan, mempertimbangkan syor polis dan mendakwa individu yang terbabit dalam kes berkenaan.

"Ini janji jabatan ini. Orang ramai juga harus diberikan jaminan bahawa pejabat Pendakwa Raya mengambil serius tanggungjawabnya mengikut undang-undang.

"Jabatan ini akan berusaha sedaya upaya apabila kertas siasatan diserahkan kepada jabatan ini," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Katanya, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Badar sudah memberikan maklum balas kepada orang ramai bahawa polis akan menyalasat.

Tommy berkata, polis harus diberikan masa dan ruang untuk menjalankan siasatan mereka.

"Pihak polis juga mempunyai sumber dan kepakaran untuk menjalankan

“  
Jabatan ini akan berusaha sedaya upaya apabila kertas siasatan diserahkan  
Tommy



MUHAMMAD ADIB

tugas mereka di bawah undang-undang.

"Selepas siasatan dilengkapkan dan pelaku suspek dikenal pasti polis, kertas siasatan diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya dengan syor polis. Pada peringkat itu tugas jabatan ini bermula," katanya.

Katanya, Ketua Polis Negara tentu sekali akan memaklumkan perkembangan siasatan polis kepada

orang ramai yang ingin tahu dari semasa ke semasa.

Tommy berkata, wujud banyak spekulasi yang kebanyakannya memberikan maklumat yang salah susulan keputusan Koroner Rofiah Mohamad pada Jumaat lalu.

Koroner memutuskan dua atau tiga individu mengakibatkan kematian Muhammad Adib dan mengarahkan polis menyalasat siasatan mereka.

## 'Kami perlu maklumat orang ramai'

**Kuala Lumpur:** Maklumat orang ramai diperlukan berhubung rusuhan yang menyebabkan anggota bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim maut selepas 21 hari bertarung nyawa akibat dipukul sekumpulan lelaki di Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya, pada 27 November tahun lalu.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendakwaan dan Undang-Undang (D5) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Mior Faridalathrash Wahid berkata, maklumat awam diperlukan bagi membolehkan polis mendapat petunjuk baru untuk mengesan individu berke-

mungkinan terbabit memukul anggota bomba itu.

"Susulan keputusan Mahkamah Koroner Shah Alam pada 27 September lalu yang memutuskan kecederaan Adib akibat dipukul lebih seorang individu, polis memerlukan maklumat bagi mengesan suspek yang berkemungkinan terbabit kejadian itu.

"Buat masa ini, masih tidak mempunyai bukti tambahan dan biarpun siasatan masih berjalan, belum ada saksi baru yang tampil atau dipanggil membantu siasatan," katanya di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di sini, semalam.

Beliau berkata, siasatan



**Polis memerlukan maklumat bagi mengesan suspek yang berkemungkinan terbabit kejadian itu"**

Mior Faridalathrash Wahid

tidak pernah ditutup dan kes kekal disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Katanya, polis juga masih menunggu arahan lanjut daripada Pejabat Peguam Negara.

Jumaat lalu, Mahkamah

Koroner Shah Alam memutuskan kematian Muhammad Adib akibat impak perbuatan jenayah yang mungkin dilakukan lebih seorang individu.

Koroner Rofiah Mohamad ketika membuat keputusan itu berkata, mahkamah menerima keterangan saksi ke-29, Pakar Patologi Forensik United Kingdom, Prof Dr Shahrom Abd Wahid bahawa mangsa dihentak dan diheret keluar dari van bomba ketika kejadian.

Beliau berkata, keterangan saksi di tempat kejadian juga menunjukkan terdapat perbuatan memukul seseorang di kawasan antara 20 dan 30 orang berkumpul.